

08 SEP 2000

Raja-Imam

RAJA PERLIS MAHU IMAM YANG UTAMAKAN POLITIK UNDUR DIRI

KANGAR, 8 Sept (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini menyarankan para imam yang lebih cenderung berpolitik supaya melepaskan jawatan mereka demi kepentingan umat Islam setempat.

Baginda bimbang perpecahan di kalangan umat Islam jika perbezaan fahaman politik menjadi halangan untuk mereka beribadat di masjid.

Para imam yang tindak tanduk mereka boleh mencetuskan perpecahan akibat fahaman politik sempit tidak layak memegang jawatan itu, titah baginda semasa merasmikan masjid Guar Gajah di Arau hari ini.

Masjid berharga RM1.3 juta yang pernah dilawati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akhir tahun lalu mampu menampung sehingga 1,500 jemaah.

Menurut Raja Perlis, jawatan imam adalah tinggi dalam kelompok masyarakat Islam dan mereka perlu menunjukkan imej yang baik pada setiap masa.

Raja Perlis yang juga Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) berharap masjid-masjid di negeri ini tidak salahgunakan sebagai gelanggang politik.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yang turut berucap berkata, adalah tidak wajar mana-mana pihak mempersoalkan perlantikan para imam yang dilakukan oleh MAIPs.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis.

-- BERNAMA

RIS AD PR